

**SKIM PERKHIDMATAN  
PENOLONG PEGAWAI TADBIR**

**KLASIFIKASI** : **PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **SOKONGAN**

**JADUAL GAJI**

<b>GREED N27</b>	P1T1	RM1204.55	-	P1T26	RM3027.10
	P2T1	RM1274.13	-	P2T26	RM3213.25
	P3T1	RM1346.73	-	P3T26	RM3405.26
<b>GREED N32</b>	P1T1	RM2413.04	-	P1T13	RM3592.76
	P2T1	RM2623.28	-	P2T13	RM3911.96
<b>GREED N36</b>	P1T1	RM3001.40	-	P1T11	RM4439.78
	P2T1	RM3211.64	-	P2T11	RM4911.67

**SYARAT LANTIKAN** :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- a. warganegara Malaysia;
- b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c.
  - (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;  
  
(gaji permulaan ialah pada Gred N27: P1T1); atau
  - (ii) Diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(gaji permulaan ialah pada Gred N27: P1T5); atau

- (iii) Diploma dalam bidang pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(gaji permulaan ialah pada Gred N27: P1T6);

[bagi perkhidmatan Penghulu calon disyaratkan mempunyai pengalaman tidak kurang dari 10 tahun dalam bidang yang berkaitan, terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dan sukarela serta berpengetahuan luas dalam pembangunan masyarakat, adat istiadat, agama dan sosiobudaya tempatan]

**Dan** Keujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN  
PANGKAT SECARA  
LANTIKAN KE  
PERKHIDMATAN :**

:

**(i) PENOLONG PEGAWAI TADBIR**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan), Pembantu Tadbir (Kewangan), Pengurus Stesen, Pemeriksa Cap Jari dan Penyelia Jurupakaian adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-

- i. mempunyai kelayakan di perenggan c di atas; atau
- ii. lulus peperiksaan khas; dan
- iii. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**(ii) PENOLONG PEGAWAI TADBIR  
(PENGHULU)**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Pembangunan Masyarakat dan Pembantu Belia dan Sukan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir (Penghulu) Gred N27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-

- i. mempunyai kelayakan di perenggan c di atas; atau
- ii. lulus peperiksaan khas;  
[calon disyaratkan mempunyai pengalaman tidak kurang dari 10 tahun dalam bidang yang berkaitan, terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dan sukarela serta berpengalaman luas dalam pembangunan masyarakat, adat istiadat, agama dan sosiobudaya tempatan] dan
- iii. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

:

Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

:

Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

:

Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/  
PEPERIKSAAN**

:

Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

:

Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah :-

- i. memenuhi tempoh percubaan;
- ii. hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- iii. diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI  
TAHUNAN**

:

Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP  
KECEKAPAN**

:

Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE  
GRED N32**

:

Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N32 yang kosong apabila telah :-

- i. disahkan dalam perkhidmatan;

- ii. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- iii. lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan ; dan
- iv. diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE  
GRED N36 :**

Penolong Pegawai Tadbir Gred N32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N36 yang kosong apabila telah :-

- i. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- ii. lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan ; dan
- iii. diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
SECARA LANTIKAN KE  
PERKHIDMATAN  
PEGAWAI TADBIR :**

Penolong Pegawai Tadbir yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.